

J. P.U. 10.**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN (DATARAN BANDARAYA)
(MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) 2010**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Bandaraya) (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2010** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“Dataran Bandaraya” ertinya nama yang diberi kepada tanah yang dinyatakan dalam Undang-undang Kecil 4;

“Datuk Bandar” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Datuk Bandar;

“perkakas jalan” ertinya apa-apa bekas sampah sarap atau lampu, lampu perhiasan, lampu sorot atau yang menyerupainya, tiang atau bangku panjang, bangku atau apa-apa lain tempat duduk, bekas tanaman, pengadang atau jeriji, pokok, tonggak, adang rel, kaki lima atau tanda;

“struktur” ertinya termasuk apa-apa binaan, menara, tembok, pagar, tempat berpegang, tiang sokongan, tiang, tiang bendera, bangsal, tempat berteduh, pondok kecil, layar mega, televisyen papan, perkakas jalan, perenjis, alat pembesar suara, paip dan pancutan air, lantai, bilik kawalan, bilik pam, bilik tangki air, bilik utiliti, bilik elektrik dan seumpama dengannya.

Dasar-dasar, pekeliling dan lain-lain

3. Dasar-dasar, Pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Datuk Bandar atau pelbagai Kementerian atau Jabatan atau Agensi Kerajaan lain yang mana difikirkan patut dan sesuai dan dipersetujui oleh Datuk Bandar hendaklah diterima pakai bersama-sama Undang-undang Kecil ini dari semasa ke semasa.

Lokasi Dataran Bandaraya

4. Dataran Bandaraya adalah permukaan tanah di atas sebahagian Lot 7271 Padang Sri Gelam disempadani oleh Jalan Abu Bakar, Jalan Abdul Samad dan Jalan Sungai Chat tidak termasuk kawasan yang diduduki oleh Kelab Perkhidmatan Awam Johor di atas Lot 7270.

Kesalahan-kesalahan

5. Tiada seorang pun boleh kecuali diluluskan oleh Datuk Bandar secara bertulis di Dataran Bandaraya—

- (a) memakan apa-apa makanan, meminum apa-apa minuman atau menghisap apa-apa rokok, cerut atau apa-apa tembakau;
- (b) memotong, mengalih, merosakkan, memetik, meracun, menakik mana-mana daun, dahan, bunga atau benih mana-mana tumbuh-tumbuhan atau pokok;
- (c) memotong, mencabut, menggali, mengalih atau merosak mana-mana tumbuh-tumbuhan, pokok atau rumput;
- (d) mengorek atau mengalih tanah;
- (e) memanjat mana-mana pokok, apa-apa binaan dan struktur;
- (f) mengotorkan dan mencacatkan, membuat perubahan kepada, memindah atau merosak mana-mana binaan;
- (g) memaku, mengikat, menyimpul, merantai, melukis, menconteng, mengecat, menyembur, menanda, melekat, mengukir, mempamerkan, menaruh atau menggantung apa-apa benda di atas mana-mana pokok, tumbuh-tumbuhan atau struktur;
- (h) berjalan di atas, memijak atau berdiri di atas mana-mana rumput, batas tanaman atau pokok-pokok renik;
- (i) menunggang, memandu, menarik atau menolak apa-apa kenderaan yang didorong jentera atau selainnya atau meluncur dengan “skate”;
- (j) mengotor atau mencemarkan air atau mandi atau mencampakkan apa-apa benda di dalam mana-mana pancutan air;
- (k) mencacatkan atau mengalih apa-apa notis yang dipamerkan oleh Datuk Bandar;
- (l) meludah, membuang air kecil atau besar di mana-mana bahagian Dataran Bandaraya;
- (m) memindah, membuat perubahan kepada, mengalih, mencacat atau mengusik apa-apa benda yang dipamerkan, dipertunjukkan, dilekat, digantung, ditaruh, dibina atau dirikan oleh Datuk Bandar;
- (n) mendirikan apa-apa khemah, warung, bangsal atau struktur lain;
- (o) menjatuh, membuang, meletak, menaruh atau meninggalkan apa-apa benda atau sampah sarap di mana-mana bahagian Dataran Bandaraya kecuali di tempat yang disediakan;
- (p) memasang api, membuat unggun api atau membakar bunga api atau mercun;
- (q) berbaring atau tidur di mana-mana bahagian Dataran Bandaraya;
- (r) membenarkan apa-apa binatang yang di bawah kawalannya masuk atau berada di mana-mana bahagian Dataran Bandaraya;

- (s) memasang sepanduk, kain panji atau apa-apa bentuk papan iklan;
- (t) menerbangkan apa-apa jua layang-layang atau bermain apa-apa jenis bola;
- (u) mengadakan apa-apa pameran atau jualan atau promosi di atas Dataran Bandaraya.

Larangan berkelakuan tidak sopan atau sumbang

6. Tiada seorang pun boleh menggunakan bahasa yang lucah atau sumbang atau berkelakuan dengan cara tidak sopan atau sumbang di Dataran Bandaraya.

Larangan masuk pada waktu-waktu tertentu

7. Tiada seorang pun boleh berada di Dataran Bandaraya antara pukul 1 pagi dan 6 pagi kecuali dengan kebenaran bertulis dari Datuk Bandar atau mana-mana pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru yang diberikuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar.

Larangan menjaja

8. Tiada seorang pun boleh menjaja di mana-mana bahagian Dataran Bandaraya kecuali dengan kebenaran bertulis dari Datuk Bandar atau mana-mana pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru yang diberikuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar.

Larangan mengadakan perhimpunan dan sebagainya tanpa permit

9. Tiada seorang pun boleh melainkan dikecualikan mengadakan apa-apa ucapan awam, tunjuk perasaan, perhimpunan, mesyuarat, perkumpulan atau aktiviti lain di Dataran Bandaraya tanpa permit daripada Datuk Bandar.

Kuasa-kuasa Datuk Bandar

10. Datuk Bandar akan mempunyai kuasa-kuasa untuk—

- (a) melulus dan memberi, atau menolak apa-apa permohonan untuk suatu permit;
- (b) mengenakan dan melampirkan syarat-syarat tertentu sebagaimana yang difikirkannya patut kepada permit itu; dan
- (c) membatalkan permit-permit yang dikeluarkan pada bila-bila masa.

Permohonan untuk permit

11. (1) Suatu permohonan untuk permit bagi mengadakan apa-apa ucapan awam, tunjuk perasaan, perhimpunan, mesyuarat, perkumpulan atau aktiviti lain hendaklah dibuat kepada Datuk Bandar secara bertulis dalam bentuk yang ditentukan oleh Datuk Bandar

(2) Jika permohonan itu diluluskan Datuk Bandar hendaklah atas pembayaran suatu jumlah sebagai deposit sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual I, mengeluarkan kepada pemohon suatu permit.

(3) Pemegang permit hendaklah mematuhi segala syarat yang dilampirkan kepada permit itu.

Bentuk dan tempoh permit

12. Permit itu hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dan sah untuk apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

Melucuthakkan deposit

13. (1) Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukkan lain dalam Undang-undang Kecil ini, jika terdapat suatu pelanggaran apa-apa syarat permit, Datuk Bandar boleh melucuthakkan kesemua atau sebahagian deposit yang dibayar di bawah perenggan (2) Undang-undang Kecil 11 jika selepas memberi pemegang permit suatu peluang untuk didengar, dia gagal memuaskan hati Datuk Bandar tentang kenapa deposit itu tidak sepatutnya dilucuthakkan.

(2) Apa-apa deposit yang tidak dilucuthakkan di bawah perenggan (1) hendaklah dikembalikan kepada pemegang permit tanpa faedah selepas habis tempoh permit.

Mendapatkan perbelanjaan yang ditanggung oleh Datuk Bandar

14. (1) Pemegang permit hendaklah, sebaik sahaja selesai mengadakan ucapan awam, tunjuk perasaan, perhimpunan, mesyuarat, perkumpulan atau aktiviti-aktiviti lain, menjalankan apa-apa kerja yang dikehendaki dibuat olehnya di bawah syarat-syarat permit.

(2) Jika pemegang permit gagal menjalankan kerja yang dikehendaki di bawah syarat-syarat permit dalam tempoh yang ditentukan oleh Datuk Bandar, Datuk Bandar boleh menjalankan kerja itu dan memotong apa-apa perbelanjaan yang ditanggung olehnya dari deposit yang dibayar di bawah perenggan (2) Undang-undang Kecil 11.

(3) Jika perbelanjaan yang ditanggung oleh Datuk Bandar dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh perenggan (2)—

- (a) kurang daripada jumlah deposit, bakinya hendaklah dikembalikan kepada pemegang permit; atau
- (b) melebihi jumlah deposit bakinya hendaklah didapatkan daripada pemegang permit sebagai hutang.

Kuasa untuk memerintah keluar dari Dataran Bandaraya

15. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini boleh diperintah keluar dari Dataran Bandaraya oleh Datuk Bandar atau mana-mana pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru yang diberikuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar.

(2) Mana-mana orang yang ingkar dari mematuhi perintah itu boleh dialihkan dengan kekerasan oleh Datuk Bandar atau mana-mana pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru yang diberikuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar

Penalti

16. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duannya sekali.

Pemansuhan

17. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) apabila Undang-undang Kecil ini mula berkuat kuasa, Undang-undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Bandaraya) 1995 (Majlis Bandaraya Johor Bahru) yang telah diwartakan melalui J.P.U. 52 tahun 1995 (selepas ini disebut Undang-undang Kecil termansuh) hendaklah terhenti berkuatkuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan.

(2) Walau apapun perenggan (1)–

- (a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-undang Kecil ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah Undang-undang Kecil termansuh sebelum mula berkuat kuasanya Undang-undang Kecil ini;
- (b) apa-apa prosiding di bawah Undang-undang Kecil termansuh yang belum diputuskan sebelum mula berkuat kuasa Undang-undang Kecil ini hendaklah diterangkan di bawah Undang-undang Kecil termansuh seolah-olah Undang-undang Kecil ini tidak dibuat;
- (c) apa-apa lesen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa sehingga tamat tempoh baginya ia telah diberikan tetapi ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini dan mana-mana peraturan dan boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Undang-undang Kecil ini; dan
- (d) apa-apa perlantikan atau penguatkuasaan yang dibuat di bawah Undang-undang Kecil termansuh hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat di bawah Undang-undang Kecil ini, sehinggalah perlantikan atau penguatkuasaan itu dibatalkan atau disatukan di bawah Undang-undang Kecil ini.

JADUAL I

		NGO	Persatuan	Orang Awam	Syarikat	Badan Kerajaan
Jumlah Bayaran	Maksimum Minimum					

Bertarikh 30 Julai 2010
[K.T. 24/69 Jld. 9(21); PUNJ.Bil.(PU2)7 Jld. 3(54);
MBJB/U/2010/28/UUK/1]

MOHD JAFFAR AWANG
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Johor Bahru

Disahkan pada 30 Ogos 2010

HAI MOHD HALIM BIN HASBULLAH
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
LOCAL GOVERNMENT (DATARAN BANDARAYA)
(JOHOR BAHRU CITY COUNCIL) BY-LAWS 2010

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], Johor Bahru City Council makes and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms the following by-laws:

Citation, application and commencement

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Local Government (Dataran Bandaraya) (Johor Bahru City Council) By-Laws 2010** and shall apply only to the area of Johor Bahru City Council.

(2) These By-Laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“Dataran Bandaraya” means the name given to the land as described in By-Law 4;

“Mayor” means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of Mayor of Johor Bahru City Council and includes the Deputy Mayor;

“street furniture” means any litter bin, lamp, decorative light, spotlight or as such, pillar or bench, stool or any other sitting accomodation, planter, blockage or grate, tree, bollard, rail blockage, pavement or sign;

“structure” means includes any construction, tower, wall, fence, handhold, column, pillar, flag pole, barn, shelter, kiosk, Mega Television Screen, board, street furniture, sprinkler, speaker, pipe and fountain, floor, control room, pump room, water tank room, utility room, electrical room and as such;

Policies, circular and others

3. Policies, Government Circular or written instruction from the Mayor or other Ministry or Department or Government Agency which may thinks fit and relevant and agreed by the Mayor, shall be applied with these By-Laws from time to time.

Location of Dataran Bandaraya

4. Dataran Bandaraya shall be the surface of part of the land held under a title of Lot 7271 Padang Sri Gelam bounded by Jalan Abu Bakar, Jalan Abdul Samad and Jalan Sungai Chat excluding the area occupied by the Johor Civil Service Club held under a title of Lot 7270.

Offences

5. No person shall unless approved by the Mayor in writing, at Dataran Bandaraya—

- (a) eat any food, drinks any beverage or smoke any cigarette, cigar or any tobacco;
- (b) cut, shift, damage, pluck, poison or notch any leaf, branch, flower or seed of any plant or tree;
- (c) cut, uproot, dig, shift or damage any plants, tree or grass;
- (d) excavate or shift any ground;
- (e) climb any tree or any construction and structure;

- (f) dirty, deface, make alteration to, move or damage any construction;
- (g) nail, tie, knot, chain, draw, doodle, paint, spray, mark, affix, inscribe, display, place or hang anything on any tree, plants or structure;
- (h) walk over, step on or stand on any grass, planting bed or shrubbery;
- (i) ride, drive, pull or push any vehicle whether mechanically propelled or otherwise or slide with a skate;
- (j) dirt or pollute the water or bathe or throw anything in any fountain;
- (k) deface or remove any notice displayed by the Mayor;
- (l) spit, urinate or defecate at any part of Dataran Bandaraya;
- (m) move, make alteration to, remove, deface or tamper with anything displayed, exhibited, affixed, hung, placed, constructed or set-up by the Mayor;
- (n) erect any tent, booth, barn or other structure;
- (o) drop, throw, deposits, place or leave anything or litter in any part of Dataran Bandaraya except at the available place;
- (p) kindle any fire, make a collective fire or any fireworks or crackers;
- (q) lie down or sleep at any part of the Dataran Bandaraya;
- (r) allow any animal which is under his control to enter or remain at any part of the Dataran Bandaraya;
- (s) install any banner, bunting or any other form of advertisement board;
- (t) fly any kites or play any kind of ball; or
- (u) set-up any exhibition or sales or promotion at Dataran Bandaraya.

Prohibition against disorderly or indecent behaviour

6. No person shall use any indecent or offensive language or behave in any disorderly or indecent manner at Dataran Bandaraya.

Prohibition for entry at certain hours

7. No person shall remain at Dataran Bandaraya between 1 a.m. and 6 a.m. unless approved in writing by the Mayor or any officer of the Johor Bahru City Council duly authorised thereto by the Mayor in writing.

Prohibition against hawking

8. No person shall hawk in any part of the Dataran Bandaraya unless approved in writing by the Mayor or any officer of the Johor Bahru City Council duly authorised thereto by the Mayor in writing.

Prohibition against holding assembly etc. without permit

9. No person shall, unless exempted, hold any public address, demonstration, assembly, meeting, gathering or any other activity at Dataran Bandaraya without a permit from the Mayor.

Powers of the Mayor

10. The Mayor shall have powers to—

- (a) approve and grant, or refuse any application for a permit;
- (b) impose and attach certain conditions as he thinks fit to the permit; and
- (c) revoke the permits issued at any time.

Application for permit

11. (1) An application for a permit to hold any public address, demonstration, assembly, meeting, gathering or any other activity shall be made in writing to the Mayor in such form as may be determined by the Mayor.

(2) Where the application is approved, the Mayor shall, on payment of a sum as deposit as determined in Schedule I, issue to the applicant a permit.

(3) The permit holder shall comply with the conditions attached to the permit.

Form and duration of permit

12. The permit shall be in such fixed form and shall be valid for any duration as the Mayor may determine.

Forfeiture of deposit

13. (1) Without prejudice to any other provisions of these By-Laws, where there is any breach of any condition of the permit, the Mayor may forfeit the deposits paid under paragraph (2) of by-law 11 in whole or in part if, after giving the permit holder an opportunity of being heard, he fails to satisfy the Mayor as to why the same should not be forfeited.

(2) Any deposit not forfeited under paragraph (1) shall be refunded to the permit holder without any interest after the expiry of the permit.

Recovery of expenses incurred by the Mayor

14. (1) The permit holder shall, as soon as public address, demonstration, assembly, meeting, gathering or any other activity is over, execute any work which is required to be done by him under the conditions of the permit.

(2) If the permit holder fails to execute the work as required under the conditions of the permit within the duration specified by the Mayor, the Mayor may carry out such work and deduct any expenses incurred by him from the deposit paid under paragraph (2) of by-law 11.

(3) Where the expenses incurred by the Mayor in carrying out the powers conferred by the paragraph (2)—

- (a) is less than the amount of the deposit, the balance shall be refunded to the permit holder; or
- (b) exceeds the amount of the deposits, the balance shall be recoverable from the permit holder as a debt.

Power to order out of Dataran Bandaraya

15. (1) Any person who contravenes any of the provision of these By-Laws may be ordered out of the Dataran Bandaraya by the Mayor or any officer of the Johor Bahru City Council duly authorised thereto by the Mayor in writing.

(2) Any person refusing to obey such order may be forcibly removed by the Mayor or any officer of the Johor Bahru City Council duly authorised thereto by the Mayor in writing.

Penalty

16. Any person who contravenes any of the provision of these By-Laws shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or a term of imprisonment not exceeding one year or to both.

Repeal

17. (1) Subject to paragraph (2) when these By-Laws is being enforce, Local Government (Dataran Bandaraya) (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 1995 By-Laws gazetted through J.P.U. 59 year 1996 (hereinafter referred to as repealed By-Laws) shall be ceased to enforce and shall attribute to be repealed.

(2) Notwithstanding with paragraph (1)—

- (a) there is no any content in these By-Laws may obstruct any person from being prosecuted or penalized under repealed By-Laws before these By-Laws begins to enforce;
- (b) any uncompleted proceeding under repealed By-Laws, before these By-Laws begin to be enforce, it shall be described under repealed By-Laws that as if these By-Laws have not yet being made;
- (c) any licence issued under repealed By-Laws shall be continuously enforce and having its enforcement until the given expired period but it shall subject to the provisions under these By-Laws and any other rules and it may be revoked under and with these By-Laws; and
- (d) any appointment or enforcement made under repealed By-Laws shall be enforce and having its enforcement as if it have been made under these By-Laws, until such appointment or enforcement is revoked or united under these By-Laws.

SCHEDULE I (By-law II)

Category		NGO	Association	Public	Company	Government Body
Total Payment	Maximum Minimum					

Dated 30 July 2010
[K.T. 24/69 Jld. 9(21); PUNJ.Bil.(PU2)7 Jld. 3(54);
MBJB/U/2010/28/UUK/1]

MOHD JAFFAR AWANG
Mayor
Johor Bahru City Council

Confirmed on the 30 August 2010

HAI MOHD HALIM BIN HASBULLAH
Clerk of the State Executive Council
Johor